

UMS ambil inisiatif bantu pesakit hemofilia

UB 18/05/2011 B3

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
nikjasni.ub@gmail.com

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) mengambil inisiatif bermakna apabila tampil membantu 'membebaskan' kanak-kanak penghidap hemofilia (haemophilia), Kenny Sim Yi Hau, 11, daripada terus bergantung kepada kerusi roda melalui projek yang dikenali sebagai 'A Life Without Wheelchair, Kenny! - A Haemophilia Patient'.

Hemofilia adalah penyakit keturunan yang menghalang darah daripada beku dengan sempurna kerana kekurangan bahan yang membekukan darah dalam badan. Dalam kes ini, Kenny menderita Hemofilia A atau dikenali juga sebagai kekurangan pembeku darah faktor VIII.

Kenny berhadapan beberapa masalah ekoran penyakit ini termasuk bengkak dan pendarahan dalaman di lutut dan buku lali, termasuk siku. Kerana itu dia hanya menggunakan kerusi roda untuk bergerak memandangkan keadaannya tidak mengizinkan dia aktif seperti kanak-kanak lain.

Bagaimanapun, keadaan ini tidak akan berpanjangan kerana Kenny bakal mendapatkan rawatan yang memungkinkannya melunaskan impian selama ini iaitu untuk bermain di padang bersama kawannya.

Ini kerana, UMS dengan kerjasama Pusat Darah Negara di Kuala Lumpur telah menjalin kerjasama untuk membolehkan Kenny mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) bermula 29 Mei ini hingga 3 Jun nanti.

Kenny akan melalui proses penilaian makmal dan rawatan klinikal serta bertemu dengan hemotologis, pakar makmal ortopedik, pakar patologis dan pakar fisioterapi dalam usaha itu.

Usaha ini adalah lanjutan daripada program Kem Kesihatan Hemofilia anjuran Sekolah Perubatan UMS pada April lepas yang merupakan hasil daripada penubuhan Makmal



TURUT HADIR...(Bermula dua kiri) Gerge, bapa Kenny Sim Nyuk Vui, ibu Chin Mei Ling, Kenny, Rosnah, Tauffik Tee dan Thiruchelvam pada sidang media itu.

Hemostasis di universiti itu.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Rosnah Ismail berkata kem berkenaan telah dihadiri seramai 35 pesakit hemofilia dari Sabah dan Sarawak selain 15 peserta dari Semenanjung.

"Kenny adalah kanak-kanak yang bijak tetapi dia terpaksa menggunakan kerusi roda sejak tahun lalu. Dia mengalami bengkak yang menyakitkan pada lutut kiri dan buku lali kerana pendarahan pada sendi yang kerap," katanya dalam sidang media, pada Isnin.

Justeru, tambahnya, Sekolah Perubatan mengambil inisiatif untuk melaksanakan projek yang pertama sepertinya di negeri ini dalam usaha membantu Kenny merasai kehidupan sebagai kanak-kanak normal.

Katanya, apabila Kenny kembali ke Sabah kelak, kanak-kanak itu akan mendapatkan pemeriksaan susulan di Makmal Hemostasis UMS dan daripada Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

"Kita dapati kesedaran mengenai penyakit ini di Sabah adalah sangat rendah terutamanya di kawasan luar bandar.

"Sokongan emosi dan fizikal daripada daripada masyarakat adalah sangat penting untuk memberi kekuatan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak penghidap hemofilia," katanya.



PENJELASAN...Thiruchelvam (kiri) memberi penjelasan mengenai perkembangan Kenny sambil diperhatikan Rosnah (kanan).

Kerana itu, beliau memuji usaha dan bantuan yang diberikan oleh Kelab Rotary Teluk Likas yang tampil memberikan sumbangan dan sokongan kepada Kenny dan keluarganya.

Sementara itu, turut hadir dalam sidang media terbabit adalah Naib Presiden Kelab Rotary Teluk Likas, George Ligung; mantan presiden Kelab Rotary Teluk Likas, Datuk Johnson Tee; Pensyarah Kanan Makmal Hemostasis UMS, Dr A Thiruchelvam dan Timbalan Dekan Sekolah Perubatan, Prof Madya Dr Muhammad Tauffik Md Noor.

TIDAK KE SEKOLAH

Bagi ibu Kenny, Chin Mei Ling, kesudian UMS dan beberapa lagi pihak yang bekerjasama untuk membantu merupakan peluang yang sangat bermakna untuknya.

Ini kerana, kebimbangan yang hanya ditanggung bukanlah sedikit dan mungkin hanya difahami oleh golongan ibu sepertinya sahaja.

Menyedari anaknya tidak dapat aktif seperti anak orang lain seawal usia 8 tahun, iaitu ketika belajar di Tahun Dua SRK (C) Chi Hwa Sandakan, dia

selalu mendengar anaknya mengadu mengenai kesakitan yang dialami.

"Kerana keadaan itu, anak saya tidak dapat menaiki tangga dan terpaksa menggunakan kerusi roda sejak tahun lalu. Dia juga tidak dapat terus bersekolah kerana kelasnya berada di tingkat empat," katanya yang menambah, keluarganya memang mempunyai sejarah menghidap hemofilia.

Chin mengaku, walau bayaran perubatan adalah percuma kerana mendapat rawatan di hospital kerajaan, dia kesal kerana kekurangan faktor VIII.



DAPAT RAWATAN...Kenny bersama bapa dan ibunya, Sim Nyuk Vui dan Chin Mei Ling.

"Kenny akan mengadu sakit dua hari selepas transfusi bahan faktor VIII tetapi hospital tidak banyak yang kami dapat dari hospital kerana ia mahal dan bekalannya yang kurang," jelasnya yang terpaksa berhenti kerja untuk menjaga Kenny manakala suaminya bekerja sebagai pemandu.

Kerana itu, untuk mengelakkan Kenny sakit atau luka, dia akan memastikan Kenny hanya berada di bilik atau menonton televisyen.

Dr A Thiruchelvam pula berkata, selain mahal, faktor VIII memang kurang di Malaysia. Tempoh rawatan pula, tambah beliau, biasanya mengambil masa antara lima hingga tujuh hari.

"Dengan berat sekitar 40kilogram, Kenny perlukan dua bebuli (vial) sebanyak tiga kali sehari. Satu bebuli berharga RM400, jadi

keseluruhannya adalah sekitar RM 2,000 sehari," katanya yang menambah, pendarahan dalam otak boleh membawa maut.

Bagi Dr Muhammad Tauffik berkata ibu bapa kepada penghidap hemofilia selalunya berdepan dilema sama ada mahu membenarkan anak mereka bermain di luar atau tidak.

Bagaimanapun, beliau mencadangkan agar ibu bapa ini agar tidak menghalang anak mereka terlibat dalam aktiviti luar dan memilih sukan yang tidak melibatkan sentuhan seperti berenang.

Beliau juga menasihatkan orang ramai yang mengalami bengkak agar bertemu doktor bagi mengentahui punca atau masalah yang dihadapi. Katanya, UMS juga mempunyai Poliklinik UMS di Kingfisher yang boleh dikunjungi masyarakat sekitar Kota Kinabalu.